

Kerajaan kaji undang-undang kebangkrapan

BH- 27/6/2022 m/s: 2

Usaha bantu pihak berdepan risiko diisytihar muflis terutama generasi muda

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengkaji semula undang-undang berkaitan kebangkrapan bagi membantu golongan yang dibelenggu masalah itu, terutama membabitkan golongan muda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata beliau akan berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar serta Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus berhubung perkara itu.

Beliau berkata, kerajaan pernah menaikkan nilai ambang kebangkrapan daripada RM50,000 kepada RM100,000 dan menangguhkan tindakan undang-undang

dang pada 2020 berikutan pandemik COVID-19, namun nilai itu kemudian diturunkan semula.

“Saya juga prihatin dengan perkara ini yang dilihat membimbangkan. Saya akan bincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), untuk lihat semula akta dan berjumpa dengan Gabenor BNM untuk melihat dari segi tindakan undang-undang supaya kita tangguhkan lagi dan sebagainya.

“Percayalah, masa depan anak muda tetap menjadi agenda utama kerajaan hari ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutup Karnival Kerjaya Belia Barisan Nasional (BN) 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Pengerusi Pemuda BN, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuhi.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai maklum balas kepada ucapan Asyraf sebelum itu, yang meminta kerajaan mengambil langkah drastik dengan meminda undang-undang kebangkrapan yang disifatkan menjadi bom jangka kepada golongan berdepan masalah hutang dan mem-

perkenalkan undang-undang lebih moden serta progresif.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pelbagai usaha dan tindakan dilakukan kerajaan bagi memastikan rakyat dan seluruh Keluarga Malaysia mendapat pekerjaan.

Beliau menyifatkan Karnival Kerjaya Belia BN 2022 adalah kesinambungan usaha murni dalam membantu Keluarga Malaysia, khususnya golongan muda di kawasan sekitar untuk mendapatkan kerja.

“Saya berharap usaha pihak kerajaan ini akan mendapat sokongan Pemuda BN dan menguar-uarkan usaha ini serta membantu menangkis kritikan daripada pembangkang yang terus memfitnah mengatakan kerajaan tidak melakukan apa-apa untuk membantu rakyat mendapatkan peluang pekerjaan,” katanya.

Karnival Kerjaya Belia BN 2022 diadakan selama tiga hari, bermula Jumaat lalu dan menawarkan lebih 20,000 kekosongan jawatan daripada lebih 200 majikan yang mengambil bahagian.

Karnival berkenaan menerima lebih 18,000 permohonan pekerjaan, dengan lebih 6,000 orang diterima bekerja.